

UMNO perlu jadi

UM 2, 6 JAN 2002
OIN NIZAM ABDUL HAMID

MELAKA 25 Jan. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, UMNO perlu menjadi sebuah organisasi yang tersusun dan bergerak mengikut tertib supaya ia dapat terus memenuhi matlamat membela bangsa dan agama.

Sehubungan itu, beliau mengingatkan setiap ahli UMNO terutama yang memegang jawatan dalam parti termasuk di peringkat cawangan memainkan peranan masing-masing dan memperkemaskan jentera parti.

Menurutnya, langkah tersebut penting supaya setiap ahli UMNO sentiasa bersedia sedia untuk menghadapi sebarang cabaran termasuk kemungkinan pilihan raya kecil.

“Jika kita tidak tahu peranan dan tanggungjawab kita serta melakukan sesuatu di luar bidang kuasa, maka sudah tentu organisasi tidak boleh berjalan dengan baik,” ujarnya.

Beliau yang juga Presiden UMNO berkata demikian ketika merasmikan kursus untuk Pengerusi dan Setiausaha Biro Latihan UMNO bahagian-bahagian anjuran Biro Latihan UMNO di Puteri Resort, Ayer Keroh, dekat sini hari ini.

Hadir sama ialah Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Mohd. Ali Rustam dan kira-kira 300 Pengerusi dan Setiausaha Biro Latihan UMNO Bahagian dari seluruh negara.

Dr. Mahathir berkata, organisasi yang kemas mempunyai seorang ketua dan pembantu-pembantu manakala pengikutnya pula mematuhi arahan ketua supaya parti dapat bergerak dengan licin dan matlamat perjuangan menjadi jelas.

“Jika kita tidak faham tentang organisasi, perjuangan kita tidak akan mencapai kejayaan,” tegasnya.

Menurutnya, kejatuhan Melaka

organisasi tersusun

kepada Portugis pada tahun 1511 adalah berpunca daripada ketiadaan organisasi yang kemas dalam pasukan tentera Melaka.

Katanya, tentera Portugis tidak ramai tetapi organisasi pasukan tentera mereka tersusun dan oleh itu mampu melakukan serangan yang efektif.

Dr. Mahathir berkata, kemerdekaan negara juga dicapai hasil daripada wujudnya organisasi yang tersusun iaitu apabila UMNO ditubuhkan dan berjaya menyatukan rakyat negara ini.

Dalam pada itu katanya, sebagai sebuah parti yang mempunyai keahlian lebih dua juta orang, UMNO

telah mewujudkan pelbagai jawatan dalam parti hingga ke peringkat cawangan supaya pentadbiran parti menjadi kemas.

Perdana Menteri memberitahu, jawatan-jawatan yang diwujudkan dalam parti bukan bertujuan untuk diberikan kepada seseorang sebaliknya bagi menggerakkan parti dengan berkesan.

“Jika tidak ada jawatan dan jawatan pula tidak dipegang oleh seseorang maka sukar untuk orang lain memberikan tumpuan terhadap matlamat parti,” ujarnya.

Beliau kesal dengan sikap sesetengah pihak yang beranggapan jawatan dalam parti memberi pelua-

ng kepada mereka untuk memperbaiki kedudukan sendiri sehinggalah lupa terhadap perjuangan sebenar parti.

“Apabila perkara seperti ini berlaku, parti akan rosak dan hancur. Ketika itu jawatan tidak bermakna lagi,” ujarnya.

Terdahulu, Perdana Menteri menyertai kira-kira 1,000 penduduk tempatan bersembahyang Jumaat di Masjid Bukit Katil dan makan tengah hari bersama-sama mereka.

Dr. Mahathir yang dalam rangka lawatan kerja sehari ke negeri ini turut diberikan taklimat tentang pembangunan Melaka oleh Ketua Menteri di Hotel Equatorial.